

# Pulihara sungai ikut tabii, lestari

Yayasan Pendidikan Alam Sekitar wajar ditubuh pupuk kesedaran rakyat

BH 7/2/07.



**Minda  
Lestari**

Bersama

**Prof Dr Zaini Ujang**

E-mel: zaini@utm.my

**S**EKALI lagi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyuarakan kekecewaan berhubung pencemaran sungai di negara ini. Ketika berucap merasmikan program menanam pokok bakau di Kampung Baru Pulau Sakay minggu lalu, beliau meluahkan rasa 'sakit hati' dengan kotoran dan pencemaran sungai.

Sebenarnya, nada dan keluhan sama pernah beliau luahkan dalam ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 31 Mac 2006 apabila menyebut: "Apa yang sedang berlaku kepada sumber air di negara ini amatlah menyentuh hati saya. Ia sangat menyedihkan".

Pada Disember lalu, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Datuk Rosnani Ibarahim dilaporkan berkata bahawa tempoh 20 hingga 30 tahun diperlukan untuk memulihara sungai di Malaysia. Pada minggu lalu pula, Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Kheizrul Abdullah dilaporkan berkata bahawa sejumlah RM400 juta diperlukan untuk membersihkan sebarang sungai tercemar.

Kita tidak menafikan banyak usaha dan inisiatif pelbagai pihak, termasuk JAS dan JPS sudah dilakukan untuk mengatasi masalah pencemaran sungai. Namun, sehingga kini keadaan sungai utama masih tercemar dan dalam banyak hal keadaannya memalukan.

Persoalannya mengapa pencemaran sungai masih terus berleluasa biarpun banyak pihak mulai sedar malah mengetahui punca sebenar masalah? Apakah faktor kritikal kejayaan (critical success factor) dan mekanisme efektif dan cepat dengan

relatif murah bagi mengatasinya?

Pada hemat saya, faktor kritikal kejayaan ialah menggantikan paradigma bersifat teritorial. Ketika ini inisiatif mengawal pencemaran sungai masih menggunakan modus operandi lama, biarpun selepas Kabinet 2004 dirombak bagi menggabungkan pelbagai institusi dari empat kementerian merangkumi JAS, JPS, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Tanah dan Galian dalam satu kementerian. Sehingga kini pihak terbabit dalam pengurusan sungai masih menggunakan pendekatan serpihan, dan 'ini skop agensi saya'. Ia berpunca daripada pertindihan skop kerja antara pelbagai agensi.

Dalam hal ini, saya mencadangkan satu paradigma baru diwujudkan bagi membolehkan pelaksanaan secara bersepadu pada peringkat tertinggi membolehkan pelbagai kementerian. Instrumen sedia ada menerusi Majlis Sumber Air, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan nampaknya kurang efektif dan lebih menumpu kepada isu berkaitan sumber air untuk bekalan air mentah saja.

Sehubungan itu, saya mencadangkan penubuhan Unit Penyelarasan Pelestarian Alam Sekitar (setara dari segi peranan dengan EPU) di Jabatan Perdana Menteri.

Paradigma bersepadu ini dilaksanakan di kebanyakan negara maju. Di Singapura misalnya, Lembaga Kemudahan Awam (PUB) diberi peranan luas dari segi pengurusan sumber air bersepadu merangkumi aspek sumber air (peranan JPS dan kerajaan negeri dalam konteks Malaysia), bekalan air (Jabatan atau Perbadanan Bekalan Air peringkat negeri), kumbahan (JPP), penguatkuasaan pembangunan tanah pada peringkat perbandaran (PBT), pengurusan sisa pepejal (PBT) dan

air sisa industri (JAS).

Selain itu, saya juga berharap kerajaan memberi tumpuan kepada pendekatan projek secara khusus (project-specific approach). Ketika ini inisiatif pemuliharaan sungai lebih banyak bersifat umum memabatkan beberapa sungai dikenal pasti.

Saya mencadangkan dalam setiap Rancangan Malaysia, hanya lima lembangan sungai diberi tumpuan - dari segi sumber kewangan, pendidikan dan projek pembangunan - untuk tujuan pemuliharaan secara ekstensif. Setiap projek pemuliharaan lembangan sungai perlu dipertanggungjawabkan kepada satu pasukan pelbagai agensi yang komited bertugas sepenuh masa.

Selain itu, skop tugas dan tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP) perlu diperluaskan daripada mengumpul dan merawat kumbahan (air sisa dari perumahan dan perniagaan) kepada merawat air sisa industri. Mekanisme ini adalah lumrah di kebanyakan negara maju, termasuk Singapura, Australia, Jepun, United Kingdom dan Amerika Syarikat dan kebanyakan negara Eropah.

Oleh itu, pihak industri tidak perlu dipertanggungjawabkan untuk merawat air sisa industri di premis masing-masing. Sebaliknya, tugas itu dibebankan kepada operator perkhidmatan pembedungan menerusi prinsip 'pencemar membayar'. Secara tidak langsung mekanisme ini mengurangkan bilangan punca pencemaran dengan ketara.

Saya juga mencadangkan agar pihak mengurus lembangan sungai menggunakan pendekatan bersifat tabii dan lestari. Sejarah membuktikan bahawa pendekatan yang lebih berorientasi kejuruteraan struktur misalnya dengan menukar fungsi dan struktur sungai kepada longkang seperti berleluasa di Kuala Lumpur tidak mesra alam. Longkang memang baik dari segi pengaliran air dan tebatan banjir, tetapi tidak banyak menyumbang dari segi keseimbangan ekosistem. Longkang juga tidak meningkatkan keupayaan sungai me-

nyerap bahan tercemar.

Selain itu, pendidikan alam sekitar yang lebih komprehensif dan efektif boleh membantu meningkatkan kualiti lembangan sungai. Sehubungan itu, saya mencadangkan penubuhan Yayasan Pendidikan Alam Sekitar pada peringkat lembangan sungai memabatkan seluruh lapisan masyarakat untuk menyedarkan semua golongan sama ada sebagai individu, ahli komuniti, pekerja, pengusaha, ahli korporat dan membuat dasar untuk bersama-sama melestarikan alam sekitar.

Isu pencemaran sungai tidak seharusnya bertumpu kepada pencegahan pencemaran sungai saja bahkan memabatkan semua aspek alam sekitar. Dalam hal ini, setiap individu perlu diingatkan mengenai peranan mereka dalam perkara mudah seperti membayar bil pembedungan kerana sistem pembedungan yang efektif akan mengurangkan kesan pencemaran sungai, dan memastikan paip dari dapur dan bilik mandi disambung ke pembedung dikendalikan JPP, bukan ke longkang (yang dikendalikan JPS).

Sesungguhnya, inisiatif memulihara sungai, seperti dihasratkan Pak Lah, bukan mudah dan murah. Namun, inisiatif itu akan berjaya sekiranya semua pihak memainkan peranan dengan penuh iltizam, biarpun kecil dan dalam ruang agak terbatas.

Natijahnya, bayangkan jika Sungai Klang bersih seperti Sungai Swan di Perth atau Tasik Zurich, kita dapat menikmati keindahannya, memancing ikan di masa lapang, bermandi-manda dan dikunjungi pelancong asing. Kita juga tidak perlu memikirkan alternatif untuk memindahkan bekalan air mentah dari Pahang ke Lembah Klang yang akan menelan biaya RM4 bilion!

Penulis ialah profesor kejuruteraan alam sekitar dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli di Universiti Teknologi Malaysia